

SHAH ALAM, 20 April (Bernama) -- Kerajaan akan terus menyokong perkembangan industri otomobil tempatan dengan menyediakan kemudahan ujian, termasuk satu projek pusat pengujian yang boleh digunakan oleh semua yang terlibat di dalam industri pengangkutan di masa akan datang, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Tujuan utama kemudahan seperti itu ialah untuk membolehkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R & D) dijalankan pada keseluruhannya di dalam negara, katanya semasa merasmikan bangunan penyelidikan dan pembangunan Perusahaan Otomobil Nasional Bhd (Proton) di sini hari ini.

Beliau berkata, prospek untuk mencapai pertumbuhan di bidang otomobil adalah cerah dan pihak swasta patut memainkan peranan masing-masing dalam menjayakan industri tersebut.

Dr Mahathir berharap syarikat pengilang tempatan dapat memberi penekanan yang lebih kepada aktiviti R & D kerana hanya dengan cara ini sahaja +dapat kita bersaing dengan para pengeluar bertaraf antarabangsa+.

Beliau mahu syarikat pengeluar berani untuk memulakan penyelidikan dengan menggunakan teknologi terbaru demi menghasilkan barangan Yang kompetitif lagi bermutu tinggi.

Katanya, satu cara lagi untuk meningkatkan kecekapan R & D dan memberangsangkan penyelidik dan perekacipta ialah dengan mencipta kereta berkonsep.

Galakan perlu diberi oleh Proton kepada kereta berkonsep ciptaan bahagian R & Dnya, tambahnya, sambil berkata lagi, wang yang dibelanjakan kepada kereta tersebut bukanlah pembaziran tetapi satu pelaburan yang wajar bagi mempertingkatkan kecekapan jurutera dan perekacipta Proton.

Dr Mahathir juga mengumumkan hadiah tertentu untuk kereta berkonsep Yang dicipta oleh jurutera-jurutera otomobil di Malaysia sama ada dari kalangan industri atau akademik.

Sambil menyifatkan langkah Proton untuk mempergiatkan aktiviti-aktiviti R & D sebagai tindakan yang baik, beliau berkata:

+Jika hktiviti-aktiviti R & D ini dapat diteruskan dengan licin dan teratur, maka ini akan memastikan keupayaan kakitangan Proton dapat dipertingkatkan dari masa ke masa.+

Dr Mahathir berkata prestasi dan kejayaan oleh Proton dan projek kereta nasional setakat ini amat membanggakan.

+Kereta Nasional Proton Saga bukan sahaja popular tetapi dapat menguasai pasaran tempatan dengan jayanya. Kereta-kereta Proton juga telah mencatat nama di pasaran antarabangsa dan berjaya mengharumkan nama Malaysia sebagai negara membangun yang berjaya mengeluarkan keretanya sendiri .+

Katanya, Proton telah mengeluarkan lebih dari 480,000 unit kereta dan peningkatannya dari masa ke masa akan membuat industri pembuatan komponen tempatan lebih berdaya maju dan kompetitif.

+Ini jelas dapat dilihat dengan minat yang ditunjukkan oleh syarikat komponen luar negeri dan syarikat tempatan untuk membekal komponen kepada kereta Proton,+ katanya.

Perkembangan positif juga dapat dilihat dari minat para pelabur membeli saham Proton semenjak ia disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur. Syarikat itu kini menduduki tempat antara 10 syarikat teratas di Malaysia dari segi pemodalan pasaran.--Bernama